

Perdana Menteri mahu sektor perladangan semak gaji pekerja
Utusan Online
17 April, 2012

KUALA SELANGOR 16 April - Datuk Seri Najib Tun Razak mahu sektor perladangan terutama kelapa sawit di negara ini menjalani penstrukturan semula supaya lebih efisien, kompetitif dan meningkatkan penyertaan pekerja-pekerja tempatan.

Perdana Menteri berkata, langkah itu termasuk memberikan kenaikan gaji kepada para pekerja hingga dapat melepasi paras kemiskinan dan kemudahan tempat tinggal yang lebih baik.

"Saya akui keadaan kebajikan pekerja-pekerja dalam industri ini agak ketinggalan berbanding sektor lain.

"Saya tidak dapat menerima kalau sektor ini dalam keadaan terbiar, orang lain maju dan pendapatan bertambah tetapi sektor perladangan, gaji para pekerjanya terlalu rendah dan berada di bawah paras kemiskinan dan banyak masalah sosial," kata beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Kompleks Perumahan dan Pengurusan (CHC) Ladang Tennamaram, Bestari Jaya, di sini hari ini.

Kompleks tersebut dibangunkan oleh Sime Darby Plantations Sdn. Bhd., berkonsep sebuah bandar kecil bagi menempatkan perumahan yang dinaik taraf berserta kemudahan prasarana untuk 300 pekerja ladang dan kilang di Ladang Tennamaram, di sini.

Rumah yang disediakan berkeluasan 1,000 kaki persegi dan mempunyai tiga bilik di samping dilengkapi kemudahan stesen televisyen berbayar, Astro.

Hadir sama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar; Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Pengerusi Sime Darby Bhd., Tun Musa Hitam.

Perdana Menteri memberitahu, pada masa ini jumlah pekerja di sektor berkenaan mencecah 450,000 orang, namun hanya 83,000 orang adalah pekerja tempatan manakala selebihnya warga asing.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0417&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_03.htm